

PM bidas penentang Berjaya

18 FEB 1985

LAHAD DATU, Ahad — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini secara terbuka membidas pihak-pihak yang menentang Parti Berjaya di Sabah sebagai golongan pelampau.

Perdana Menteri berkata, pada satu waktu dulu Berjaya ditohmah sebagai parti yang menentang Islam dan kini ada pula pihak yang menuduh kerajaan negeri anti-orang bukan Islam.

Tohmah-tohmah begitu adalah berbahaya dan jika dibiarkan boleh menggugat keharmonian yang dinikmati selama ini oleh penduduk berbilang kaum dan agama di Sabah, katanya ketika berucap kepada para pemimpin masyarakat di Dewan Tun Datu Mustapha di sini.

Katanya, tuduhan oleh setengah pihak bahawa kerajaan Berjaya di Sabah anti-Islam adalah tidak berasas kerana kerajaan negeri telah memberi perhatian sewajarnya kepada pengembangan agama Islam di negeri ini.

Ini menyebabkan ada pihak pula menuduh yang kerajaan negeri tidak menghiraukan masyarakat bukan Islam, katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kerajaan negeri melaksanakan dasarnya untuk kepentingan semua pihak sama ada rakyat Islam atau bukan Islam.

Beliau berkata, ajaran Islam adalah sederhana dan perbuatan yang menimbulkan kacau-bilau adalah bertentangan dengan ajaran agama itu.

Katanya, Parti Berjaya adalah satu-satunya parti majmuk di negara ini dan telah membuktikan kemampuannya mewujudkan kerukunan hidup di kalangan masyarakat berbilang kaum dan agama.

Meskipun ada beberapa buah parti lain yang mendakwa sebagai parti berbilang kaum tetapi yang ternyata keanggotaan parti-parti itu hanya tertumpu kepada sesuatu kaum, katanya.

"Saya ingin mengucapkan syabas kepada Berjaya kerana berjaya mewujudkan suasana begini baik," katanya disambut dengan tepukan gemuruh oleh kira-kira 1,000 hadirin yang penuh sesak di dewan itu.

Beliau menegaskan suasana itu amatlah baik kerana ia menjamin keamanan dan ketenteraman supaya segala usaha pembangunan

dapat dilaksanakan dengan lancar bagi faedah rakyat.

"Rakyat perlu mengekalkan keadaan ini," tegasnya.

Perdana Menteri menyeru rakyat di Sabah supaya menolak sebarang unsur pelampau yang boleh menggugat keamanan, ketenteraman dan keharmonian penduduk.

Sejak Berjaya memegang teraju pemerintahan Sabah, banyak perubahan telah dibuat dan beliau berpuas hati dengan tahap pembangunan yang dicapai di negeri ini.

Kejayaan pembangunan Sabah telah menarik tumpuan penduduk bukan sahaja negeri lain di Malaysia malahan daripada negara-negara jiran seperti Indonesia dan Filipina yang turut memberi sumbangan kepada pembangunan negeri ini.

Beliau memuji kerajaan negeri kerana mempunyai pandangan jauh dalam perancangan projek pembangunannya.

Sebagai contoh beliau menyebut ladang tanaman rotan secara komersial dan ladang kayu jelutung yang dipercayai pertama kali diusahakan di dunia.